UNIT 4

DIARI SEORANG JURURAWAT

A **Baca dan fahami cacatan di bawah.**

9 APRIL – 10 APRIL 2010

3.00 Pagi

Ketika orang lain tidur lena, aku hendak memulakan tugas. Aku meneliti jadual kerjaku. Kemudian, aku melangkah ke wad.

Salah seorang pesakit meminta air. Kasihan aku melihat kakinya yang bersimen. Sebagai jururawat, aku harus mendahulukan pesakit. Dalam hal ini, aku perlu mempunyai kemahiran untuk mengurangkan kesakitan pesakit.

Selepas itu, aku menyediakan sukatan ubat. Aku perlu memastikan pesakit makan ubat tepat pada waktu yang telah ditetapkan oleh doktor. Aku mula bergerak dari satu katil ke satu katil. Aku mengambil tekanan darah dan suhu badan pesakit. Aku terus menjalankan tugas-tugasku seperti malam-malam yang sebelumnya.

7.30 Pagi

Sebelum pesakit menjamah sarapan, aku dan rakan setugas menukar cadar. Cadar yang sudah kotor perlu ditukar dengan cadar baru. Sekali lagi aku menyediakan sukatan ubat. Aku mengambil tekanan darah dan suhu badan pesakit juga. Setiap pesakit harus dilayan dengan baik.

LIVEWORKSHEETS

Aku terus membantu doktor yang bertugas pada hari itu. Aku mengambil darah pesakit mengikut kuantiti yang diperlukan oleh doktor. Darah pesakit itu akan akan diuji oleh pihak hospital.

Tugasku di Pusat Perubatan Hospital Yala pada hari itu terakhir pada pukul 2.00 petang. Aku bersiap-siap untuk pulang. Meskipun penat melayan pesakit, aku jarang berugut. Aku bangga kerana memilih bidang kejururawatan.

Kosa Kata

Meneliti : memeriksa dengan cermat
wad : bilik atau bahagian di sesebuah hospital yang menjadi tempat tinggal pesakit
tekanan : keadaan atau hasil menekan, desakan, paksaan
suhu : panas sejuknya sesuatu benda (badan, hawa)
kuantiti : banyaknya, jumlah, bilangan (sesuatu)
berugut : berleter, bersungut, menggomel

B Berdasarkan teks di atas, binakan empat soalan serta jawapan.

1. .....
_____

2. .....
_____

3. .....
_____

4. .....
_____

Praktis Susun huruf di bawah supaya menjadi kata yang bermakna.

r e d c e a l o i h p s a t t e k r e a t s l m e a a	

Nama..... Kelas M.2 Nombor .....

LIVEWORKSHEETS